

# Inspirasi seorang negarawan



**Mohd. Izani  
Mohd. Zain**

**P**EMIMPIN boleh datang dan pergi. Ada yang diingati kerana jasa dan sumbangan, namun tidak kurang kelemahan mereka. Ada pemimpin yang biasa-biasa, ada mereka tidak menambah, tiada pula tidak mengurangkan. Namun ada pemimpin sangat luar biasa sehingga dikenang sebagai seorang negarawan.

Seorang negarawan biasanya memiliki pesona kepemimpinan yang tinggi malah disenangi oleh kawan mahupun lawan. Seorang negarawan juga tidak dipandang kerana kuasa dan kedudukan politik yang dimiliki, tetapi tahap ilmu, pemikiran dan nilai kemanusiaan tinggi yang dipamerkannya.

Pemergian Presiden Indonesia ketiga, Bacharuddin Jusuf Habibie atau B.J Habibie pada tanggal 11 September lalu meninggalkan kesan mendalam kepada rakyat Indonesia termasuk masyarakat kita. Meskipun menjalankan tugas sebagai presiden paling singkat dalam sejarah Indonesia (setahun dan lima bulan), impak kepemimpinan almarhum kepada pembangunan negaranya sangat besar.

Habibie mengajar kita bagaimana untuk menjadi pemimpin berjiwa besar, negarawan hebat dan manusia kuat. Pertama, Habibie berjaya mengubah landskap demokrasi Indonesia yang lebih bebas apabila membuka kebebasan media.

Menerima jolokan 'Bapa Media Indonesia', Habibie memberi nafas baharu kepada industri media dengan memperkenalkan Undang-undang Nombor 40 Tahun 1999. Antara kesannya, beberapa penerbitan yang diharamkan semasa pemerintahan Soeharto seperti majalah *Tempo* telah ditarik semula.

Kedua, Habibie mengembalikan kebebasan berpolitik kepada rakyat Indonesia. Parti politik bebas ditubuhkan untuk mewakili suara hati rakyat Indonesia. Buktinya, dalam Pemilihan Umum (PEMILU) 1999,



**PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar bersama B.J Habibie di Putrajaya pada 1999. - GAMBAR HIASAN/AFP**

sebanyak 48 buah parti politik telah bersaing. Sebelum itu, penubuhan parti politik dikawal oleh pemerintah bagi mengekalkan penguasaan parti kerajaan, iaitu Golkar.

Parti yang mahu memperjuangkan atas dasar Islam tidak dibenarkan atas alasan bercanggah dengan semangat Pancasila. Malah, suara pergerakan Islam disatukan dalam sebuah parti politik sahaja, iaitu Partai Persatuan Pembangunan (PPP).

Ketiga, Habibie telah memulangkan mandat kepemimpinannya kepada rakyat secepat mungkin, meskipun baru sahaja dilantik sebagai presiden. Beliau sangat mengerti bahawa pelantikannya sebagai presiden tidak melalui pungutan suara atau kehendak rakyat, sebaliknya secara kebetulan perlu menggantikan presiden (Soeharto) yang meletakkan jawatan hasil kebangkitan rakyat pada 21 Mei 1998.

Keempat, Habibie memahami bahawa seorang pemimpin itu perlu berundur apabila mendapat isyarat. Di sebalik kejayaan meletakkan asas demokrasi yang utuh, isu referendum sehingga Indonesia kehilangan Timor Timur pada 1999 memberi cabaran getir kepada Habibie. Isu ini mengakibatkan Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) menolak Laporan Pertanggungjawaban oleh Habibie.

Menyedari hal ini, Habibie tidak mengambil masa yang panjang untuk tidak mempertahankan kedudukannya sebagai presiden dan enggan bertanding dalam PEMILU 1999.

Kelima, Habibie sangat mencintai ilmu. Beliau memperkenalkan konsep menggabungkan Ilmu Teknologi (IPTEK) serta Iman dan Taqwa (IMTAQ) sebagai panduan untuk

melahirkan insan syumul.

Keenam, Habibie menyedari kepentingan teknologi, inovasi dan kreativiti. Beliau pernah berkata, usahanya untuk membangunkan industri kapal terbang di Indonesia, bukan semata-mata kerana mahu membina kapal terbang itu secara fizikal, tetapi menginginkan anak muda berkreativiti menghasilkan inovasi untuk negara.

Ketujuh, Habibie sangat merendah diri. Apabila beliau dicalonkan untuk jawatan Ketua Umum Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI), beliau menolak pada awalnya kerana menganggap dirinya bukan ahli agama.

Selepas dipujuk dan diyakini oleh para ulama dan cendekiawan Islam, Habibie menerima lamaran untuk mengetuai ICMI.

Kelapan, sifat kemanusiaan Habibie yang tinggi membuktikan bahawa pemimpin juga adalah manusia biasa. Bagi generasi muda yang belum lagi lahir semasa pemerintahan Habibie, mereka mengenali almarhum melalui filem Habibie dan Ainun.

Cinta sejati Habibie kepada Ainun dan reda beliau atas pemergian isterinya pada 2010 meruntun hati mereka yang melihat filem tersebut.

Cerita Habibie sangat panjang untuk ditulis. Apa yang jelas, beliau adalah sosok pemimpin dan negarawan yang memberi inspirasi kepada kita semua. Habibie - contoh terbaik pemimpin berjiwa besar, negarawan hebat dan manusia kuat untuk diteladani.

## **DR. MOHD. IZANI MOHD. ZAIN**

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau juga pengkaji politik Indonesia.